

FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM DAN NON MUSLIM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [En. 2/1989], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

- (1) Diwajibkan zakat bahagian Muslim sahaja bagi syarikat yang bercampur antara pemegang saham muslim dan non muslim.
- (2) Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut:

Para ulama' dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha' telah bersepakat bahawa pemilik syarikat-syarikat perniagaan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya.

Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 267 iaitu;

- (a) Firman Allah S.W.T

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا
أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang Kami keluarkan untuk kamu dari bumi...”

(Al-Baqarah: ayat 267)

(b) Sabda Rasulullah S.A.W:

وَلَا يُجْمَعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ وَلَا يُفَرَّقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ
(رواه ابن ماجه)

Maksudnya: “Tidak dihimpun di antara yang berpisah dan tidak dipisahkan di antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat”

(Riwayat Ibn Majah)

(c) Sabda Rasulullah S.A.W lagi:

عَنْ سَمُرَةَ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا
أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي نَعُدُّ لِلْبَيْعِ
(رواه ابو داود)

Maksudnya: “Daripada Samrah katanya: “Adalah Rasulullah S.A.W menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang disediakan untuk jual beli.”

(Riwayat Abu Daud)

- (d) Ijma' sahabat iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Ubai dengan sanad daripada Abd. Al-Qari katanya: "Ketika aku menjaga Baitulmal di zaman Umar Al-Khattab apabila beliau hendak harta-harta perniagaan tersebut kemudian diambil zakat daripada harta-harta tersebut".
- (e) Para ulama' Islam bersepakat mengatakan bahawa zakat hanya wajib ke atas individu Muslim yang baligh, berakal dan merdeka yang cukup haul dan nisab. Ini bererti zakat tidak wajib ke atas orang bukan Islam berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas, sabda Nabi S.A.W:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ، قَالَ لَهُ: إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ، فَلْيَكُنْ أَوَّلُ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ، شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكَ فَأَعْلِمَهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خُمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكَ لِذَلِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فَرْتُدُّ عَلَى فَقَرَائِهِمْ

Maksudnya: "Bahawasanya Rasulullah S.A.W ketika mengutuskan Muaz ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada tuhan melainkan Allah

dan Muhammad itu pesuruh Allah, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya kalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir di kalangan mereka.”

Status: Warta

Tarikh Warta: 28 Ogos 2003

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor